

Aplikasi transit boleh beri kesan pada sektor pengangkutan: Janil

SATU aplikasi yang menghubungkan semua sumber pengangkutan setempat boleh memberi kesan pada sektor pengangkutan, demikian dinyatakan oleh Menteri Negara Kanan (Pengangkutan), Dr Janil Puthucheary, semalam.

Aplikasi sebegini, yang digelar Mobiliti sebagai Khidmat (MaaS), memberi manfaat kepada penumpang kerana ia membolehkan mereka mengatur perjalanan dan membayar tambang bagi pengangkutan berbeza hanya dengan menggunakan satu wadah, kata Dr Janil.

Inisiatif itu turut menyokong wawasan Singapura bagi landskap pengangkutan yang kurang bergantung pada kereta.

Ia mengalihkan tumpuan ramai daripada pemilikan kereta kepada menggunakan pengangkutan awam, selain kaedah perkongsian lain seperti teksi dan alat mobiliti seperti basikal, tambah beliau.

Sama seperti perancangan perjalanan iaitu CityMapper dan Google Maps, wadah MaaS membolehkan pengguna mengatur laluan mereka merentasi pelbagai sumber pengangkutan serta membayar tambang menerusi aplikasi itu.

Bagi sesetengah kes, pengguna boleh membayar tambang tetap setiap bulan yang membolehkan mereka menggunakan pengangkutan awam tanpa had.

Kaedah tambang mengikut langganannya itu digunakan oleh syarikat baru dari Finland MaaS Global, yang menyifatkannya serupa dengan langganannya bagi menikmati kandungan di wadah hiburan seperti Netflix dan Spotify.

Dr Janil berkata demikian dalam Siri Persidangan Antarabangsa mengenai Persaingan dan Pemilikan dalam Pengangkutan Darat ke-16 – yang juga dikenali sebagai Persidangan Thredbo – yang diadakan di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Menurut Dr Janil, pihak berkuasa mengambil pendekatan ‘lembut dari segi peraturan’ menyusuli perkembangan baru tersebut.

Beliau membandingkan pendekatan yang diambil pemerintah ter-

hadap MaaS dengan pendekatan awal terhadap pengendali khidmat sewa-privet seperti Grab.

Pendekatan itu tambah Dr Janil membantu ke arah mewujudkan “peralihan lancar” pada peraturan baru yang diperkenalkan awal bulan ini.

“Membolehkan ruang bagi inovasi dan persaingan berkembang, membenarkan orang ramai meneroka cara berbeza... adalah pendekatan kami terhadap perkembangan baru ini,” kata Dr Janil yang juga Menteri Negara Kanan (Perhubungan dan Penerangan).

Sekurang-kurangnya dua penyedia MaaS telah melahirkan hasrat menembusi pasaran di Singapura.

Pada Oktober tahun lalu, MaaS Global mengumumkan kerjasama dengan syarikat pengangkutan setempat ComfortDelGro untuk melancarkan aplikasi Whim di Singapura.

April lalu pula, syarikat baru setempat MobilityX – yang berhubung kait dengan pengendali pengangkutan SMRT – melancarkan aplikasi Zipster bagi tempoh percubaan.

Dr Janil berkata pihak berkuasa sedang berkongsi data transit dengan MobilityX untuk membantu mempertingkatkan produknya.

Malah, Grab juga telah menyertai ‘pasaran’ MaaS, dengan menawarkan khidmat merancang perjalanan pengangkutan awam serta khidmat sewa e-skuter, menerusi aplikasi.

Dr Janil menambah keadaan sektor pengangkutan awam di Singapura berbeza daripada luar negara – di mana jumlah kereta privet lebih tinggi dan jumlah penumpang pengangkutan awam pula lebih rendah.

Singapura mempunyai rangkaian pengangkutan awam yang berkesan dan padat, tambah beliau.

“Dr Janil mencadangkan penyedia MaaS memberi tumpuan kepada pilihan pengangkutan dari satu tempat ke tempat yang lain atau *point-to-point*, yang disokong teksi dan khidmat sewa kereta privet; serta alat mobiliti seperti basikal dan e-skuter.